

# Gaji akhir Najib RM1.017 juta

**KUALA LUMPUR 2 Mei** - Gaji terakhir yang diterima oleh Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Perdana Menteri ialah pada Mei 2018 sebanyak RM1,017,014.39.

Daripada jumlah tersebut, RM1 juta merupakan bayaran khas yang diterima bagi mana-mana Perdana Menteri yang menamatkan perkhidmatan manakala bakinya ialah merupakan gaji bagi bulan tersebut yang dikira secara pro rata sebanyak RM6,627.09 dan lain-lain elaun seperti elaun Jemaah Menteri, rumah, keraian, pembantu rumah dan pentadbiran persekutuan berjumlah RM10,387.30.

Perkara tersebut dimaklumkan saksi pendakwaan ke-27, Timbalan Ketua Akauntan (Pengurusan), Jabatan Perdana Menteri, Zarina Yusuf ketika pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Raya, Mohd. Izzat Fauzan pada perbicaraan hari ke-12 kes Ahli Parlimen Pekan itu didakwa atas tujuh pertuduhan salah guna jawatan, pecah amanah dan menerima hasil aktiviti haram berjumlah RM42 juta membabitkan dana syarikat SRC International Sdn. Bhd.

Saksi berkenaan memberitahu, Ahli Parlimen Pekan

itu pada mulanya menerima gaji termasuk elaun berjumlah RM48,681.65 sebulan bagi tempoh Januari hingga April 2009. Bagaimanapun, bermula Mei 2009 hingga April 2018, jumlah gaji bulanan Najib termasuk elaun ialah sebanyak RM58,605.15.

"Bagi tempoh Januari hingga April 2009, gaji diberikan berdasarkan kedudukannya sebagai anggota pentadbiran dengan jawatan Timbalan Perdana Menteri. Bermula Mei 2009, gaji Datuk Seri Najib adalah mengikut jawatannya sebagai Perdana Menteri," ujarnya.

Terdahulu, saksi pendakwaan ke-26, Pegawai Tadbir Bahagian Hal Ehwal Ahli Parlimen Malaysia, Farah Nurdiana Azhar, 42, memberitahu seseorang calon yang dilantik sebagai ahli Parlimen layak untuk menerima elaun tetap bulanan berjumlah RM25,700.

"Apabila seorang ahli Dewan Rakyat dilantik menjadi anggota pentadbiran, Parlimen hanya akan membayar elaun bulanan sebanyak RM16,000 bermula



**NAJIB TUN RAZAK**

pada 1 Januari 2015. Sebelum kenaikan elaun bulanan dibuat, ahli Dewan Rakyat menerima RM6,508.59.

"Jika seseorang anggota pentadbiran dilantik menjadi Ketua Dewan Rakyat iaitu Perdana Menteri beliau menerima sebanyak RM3,846.59

yang berkuat kuasa pada tarikh pelantikan," katanya.

Menurutnya, sepanjang tahun 2011 hingga 2014, Najib menerima elaun sebagai ahli Dewan Parlimen sebanyak RM6,508.59 sebulan dan juga elaun Ketua Dewan sebanyak RM3,846.59 sebulan.

"Oleh itu jumlah pembayaran untuk Najib adalah sebanyak RM10,355.18 kecuali pada bulan yang beliau layak mendapat pembayaran khas. Untuk tempoh Januari 2015 hingga Mac 2018, Najib menerima elaun sebagai Ahli Dewan Parlimen sebanyak RM16,000 dan juga elaun Ketua Dewan RM3,846.59. Oleh itu jumlah pendapatan adalah sebanyak RM19,846.59 sebulan," katanya.